

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
(ALOR GAJAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.11.2017

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengendalikan Amanah Saham Wawasan 2020 yang bakal tamat tempoh pada tahun 2020, sama ada program amanah akan diteruskan atau tidak menjelang tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2017, Tabung Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW) telah memberi manfaat kepada lebih 870,000 pemegang unit yang telah melanggan 18.8 bilion unit ASW dengan pulangan terkini berjumlah RM1.1 bilion. Atas dasar itu, ASW ini akan tetap diteruskan walaupun menjelang tahun 2020 kerana pelaburan

dalam tabung unit amanah mempunyai objektif pelaburan untuk jangka masa panjang.